

APA Division of Internal Psychology: Tinjauan Ringkas, 2008

oleh _____, [Nama & Negara]

Pada 21 Februari 1997, selepas perancangan bertahun, pemimpin American Psychological Association meluluskan satu unit baru, dikenali sebagai 52, “Psikologi Antarabangsa”. Misi unit ini adalah untuk “meluaskan pembangunan dan melanjutkan hubungan antarabangsa dikalangan pakar psikologi dalam bidang perkongsian pengetahuan, menggalakkan lawatan rasmi, menggalakkan kajian antarabudaya dan pembangunan amalan klinikal, dan untuk mempromosikan objektif umum APA.”

Sepanjang 10 tahun pertama pembentukannya, 52 membuktikan ia sebagai unit APA yang sangat aktif didalam berbagai cara:

- (1) Menerbitkan majalah berkualiti, kini dibawah penyunting Senel Poyrazli, International Psychology Bulletin, dengan artikel asli mengenai psikologi diseluruh dunia, ditulis oleh pakar psikologi terkenal dan lain-lain.
- (2) Membentuk laman sesawang dikendalikan oleh pentadbir web Richard Velayo dan Shay Mann, www.internationalpsychology.net, yang menawarkan berita terkini kepada ahli-ahlinya.
- (3) Menawarkan program bermutu didalam mesyuarat APA yang diadakan setiap Ogos, dimana ahli-ahlinya dan lain-lain boleh membentangkan kerja-kerja mereka. Program APA 52 yang pertama pada 1998, menampilkan 120 pembentang daripada 39 negara.
- (4) Menerima pencalonan didalam anugerah tahunan untuk kecemerlangan: pakar psikologi antarabangsa, pembimbing, kajian pelajar, kajian ke atas wanita/jantina, buku terbaik.
- (5) Menawarkan penglibatan aktif didalam projek-projek penting kepada ahli-ahlinya, rangkaian 70 Hubungan Antarabangsa, listserv bulanan oleh Richard Velayo, siri buku antarabangsa yang baru bersama Psychology Press dibawah penyunting Uwe Gielen dan Harold Takooshian, rangkaian jurucakap, dan diskaun ke atas buku-buku dan produk-produk kepada ahli-ahlinya.

Sejak awal, 52 mendapat sokongan aktif daripada para pemimpin APA, termasuk Ketua Pegawai Eksekutifnya Raymond D. Fowler. Empat daripada 12 Presiden 52 adalah Presiden keseluruhan APA (ditandakan *disini):

Ernst Beier,

*Florence Denmark

Gloria Gottsegen

*Frank Farley

*Charles Spielberger

Harold Takooshian

Richard Velayo

*Norman Abeles

Joy K. Rice

Michael J. Stevens

Uwe P. Gielen

Lynn H. Collins

Unit ini bekerjasama rapat dengan Committee on International Relations in Psychology APA (CIRP), dibentuk pada 1994, dengan membenarkan pakar psikologi dan pelajar-pelajar dari USA dan dari seluruh dunia untuk menyertai International Division secara aktif dengan yuran tahunan yang berpatutan. Pada 2010, yuran tahunan adalah \$15 untuk pelajar, \$30 untuk professional. Untuk maklumat lanjut, lawati laman sesawang 52, www.internationalpsychology.net.

Hari ini, 52 menonjol sebagai salah satu daripada enam organisasi dengan keahlian anatarabangsa, setiap satu dengan dengan misinya yang unik (Stevens & Wedding, 2006):

2. IAAP (dibentuk pada 1920) ialah International Association of Applied Psychology. Ia kini mempunyai seramai 2000 ahli diseluruh dunia, menawarkan jurnal terbitan suku tahunan (Applied Psychology: An International Review), dan kongres setiap empat tahun. (www.iaapsy.org).
3. ICP (1941) ialah International Council of Psychologists. Ia kini mempunyai seramai 800 ahli diseluruh dunia, menawarkan buletin terbitan suku tahunan (International Psychologist), dan konvensyen tahunan. (www.icppsy.ch.tripod.com).

4. IACCP (1972) ialah International Association for Cross-Cultural Psychology. Ia kini mempunyai seramai 800 ahli, menawarkan jurnal dwibulanan Journal of Cross-Cultural Psychology, dan mesyuarat dwitahunan. (www.iaccp.org).
5. IUPsyS (1951) ialah International Union of Psychological Sciences. Ia adalah kesatuan 64 negara (tiada keahlian individu), menerbitkan International Journal of Psychology, dan tuan rumah kepada kongres setiap empat tahun, International Congress of Psychology. (www.iupsys.org).
6. IPSO (1999) ialah International Psychology Student Organization, sebuah kumpulan baru yang terdiri daripada pelajar serata negara. (www.psychologystudents.org).

Rujukan:

Stevens, M.J., & Wedding, D. (2006). (Eds.). Psychology: IUPsyS Global Resource CD, 2006.

Hove, UK: Psychology Press. (www.psycpress.co.uk).

** Berdasarkan tinjauan asal unit 52 APA yang disediakan pada 2008 oleh pegawai-pegawai jangkannya: John D. Hogan, Rivka Bertisch Meir, Mercedes A. McCormick, Harold Takooshian.